

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 20 Jun 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

LAPORAN STATISTIK BAZAR RAMADAN & AIDILFITRI 2025

Bazar Ramadan dan Aidilfitri Menjana Jualan Sebanyak RM3.2 Bilion, dengan Penglibatan 281,876 Pekerja pada Tahun 2025

PUTRAJAYA, 20 JUN 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Laporan Statistik Bazar Ramadan & Aidilfitri 2025** yang memaparkan statistik berkaitan nilai jualan, bilangan pekerja dan bilangan gerai perniagaan. Statistik ini diterbitkan di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran.

DOSM melaporkan bahawa penemuan dalam laporan ini adalah hasil survei yang dijalankan dari 2 hingga 30 Mac 2025 iaitu merujuk kepada bulan Ramadan. Survei ini melibatkan bazar Ramadan dan Aidilfitri yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah temu bual bersemuka, pemerhatian, panggilan telefon serta penggunaan data pentadbiran yang diperoleh daripada pihak PBT.

Bazar Ramadan dan Aidilfitri

Prestasi Bazar Ramadan dan Aidilfitri menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan pada tahun 2025 dengan nilai jualan meningkat sebanyak 12.9 peratus, mencapai RM3.2 bilion berbanding RM2.5 bilion pada tahun 2023. Peningkatan ini seiring dengan pertambahan bilangan pekerja sebanyak 17.6 peratus,

merekodkan 281,876 orang. Dari segi prestasi mengikut negeri, Selangor merekodkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM0.7 bilion dengan bilangan pekerja seramai 38,811 orang. Ini diikuti oleh negeri Johor dengan nilai jualan RM0.5 bilion dengan bilangan pekerja seramai 44,525 orang, sementara itu W.P. Kuala Lumpur yang merekodkan nilai jualan RM0.4 bilion dengan jumlah pekerja seramai 16,142 orang. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang sebanyak 47.5 peratus daripada jumlah nilai jualan bazar Ramadan dan Aidilfitri di seluruh negara. Di peringkat daerah pentadbiran, Johor Bahru mencatat nilai jualan tertinggi sebanyak RM261.1 juta, diikuti Petaling RM184.7 juta dan Gombak RM122.0 juta.

Bazar Ramadan

Secara khusus, Bazar Ramadan mencatatkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM2.6 bilion pada tahun 2025, mencerminkan pertumbuhan positif sebanyak 14.9 peratus berbanding tahun 2023. Dari segi analisis prestasi peringkat negeri, Selangor merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM558.0 juta, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur sebanyak RM361.9 juta dan Johor sebanyak RM331.5 juta. Di peringkat daerah pentadbiran, Petaling mencatatkan jualan tertinggi dengan RM163.9 juta, diikuti oleh Johor Bahru dengan RM162.1 juta dan Gombak dengan RM120.8 juta.

Sementara itu, bilangan pekerja yang terlibat dalam Bazar Ramadan meningkat secara ketara sebanyak 18.7 peratus kepada 241,379 orang, berbanding 171,386 orang pada tahun 2023. Johor merekodkan bilangan pekerja tertinggi iaitu seramai 37,415 orang, diikuti oleh Selangor dengan 32,989 orang dan Pulau Pinang dengan 25,515 orang. Di peringkat daerah, Johor Bahru mencatatkan bilangan pekerja tertinggi iaitu seramai 21,295 orang, diikuti oleh Seberang Perai Tengah dengan 9,873 orang dan Petaling dengan 8,896 orang.

Bazar Aidilfitri

Bazar Aidilfitri turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan jumlah jualan meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada RM0.6 bilion berbanding tahun 2023 (RM0.5 bilion). Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi di peringkat negeri dengan RM144.3 juta,

diikuti oleh Selangor sebanyak RM109.8 juta dan Kedah sebanyak RM53.9 juta. Di peringkat daerah pentadbiran, Johor Bahru sekali lagi merekodkan jualan tertinggi sebanyak RM99.0 juta, diikuti oleh Klang dengan RM55.6 juta dan Melaka Tengah dengan RM36.0 juta.

Dari segi bilangan pekerja, Bazar Aidilfitri mencatatkan peningkatan sebanyak 12.0 peratus, iaitu daripada 32,281 orang pada tahun 2023 kepada 40,497 orang pada tahun 2025. Johor merekodkan bilangan tertinggi iaitu seramai 7,110 orang, diikuti oleh Selangor dengan 5,822 orang dan Kedah dengan 5,509 orang. Di peringkat daerah, Johor Bahru kekal mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai 3,594 orang, diikuti oleh Klang dengan 2,772 orang dan Melaka Tengah dengan 2,259 orang.

Survei Tahap Kepuasan Peniaga di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri

Berdasarkan survei yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sebanyak 83.0 peratus daripada responden yang terdiri daripada peniaga Bazar Ramadan dan Aidilfitri menyatakan kepuasan terhadap lokasi bazar yang disediakan oleh penganjur. Sementara itu, 70.5 peratus peniaga berpuas hati dengan aktiviti promosi yang dilaksanakan oleh penganjur, manakala sebanyak 69.3 peratus responden terpilih menyatakan kepuasan terhadap langkah kawalan trafik yang dilaksanakan oleh pihak penganjur. Selain itu, 58.1 peratus daripada peniaga terpilih berpuas hati dengan kemudahan asas yang disediakan di bazar, manakala 19.8 peratus melaporkan tidak memuaskan dan selebihnya bersikap neutral. Dari segi kehadiran pengunjung ke bazar, sebanyak 73.2 peratus peniaga yang berpuas hati dan hanya 9.5 peratus yang berpendapat masih kurang memuaskan, manakala selebihnya menyatakan pendirian neutral.

Survei Tahap Pengurusan Sisa Lebihan Makanan di Bazar Ramadan

Selanjutnya, dalam usaha yang di ambil untuk mengurangkan pembaziran makanan, sebanyak 56.0 peratus peniaga Bazar Ramadan melaporkan bahawa mereka menawarkan harga diskaun bagi mengurangkan lebihan makanan. Selain itu, 77.3 peratus daripada peniaga menyatakan kesediaan untuk menyumbangkan makanan yang tidak terjual kepada institusi terpilih, manakala 84.2 peratus pula bersedia berkongsi lebihan

makanan tersebut dengan peniaga lain dalam bazar yang sama. Dari segi pengurusan lebihan makanan secara sistematik, sebanyak 3.9 peratus peniaga memaklumkan bahawa lebihan makanan disalurkan ke kilang pemprosesan sisa makanan. Seterusnya, 6.2 peratus peniaga menyatakan bahawa sisa makanan dikumpulkan dalam bekas yang sesuai untuk tujuan pengkomposan organik, manakala 7.4 peratus memaklumkan penggunaan kaedah kitar semula bagi mengoptimumkan penggunaan makanan yang berlebihan.

Secara keseluruhan pada tahun 2025, Bazar Ramadan dan Aidilfitri telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.2 bilion dan menjana lebih 280,000 peluang pekerjaan, sekali gus mencerminkan peranannya yang berterusan dalam menyokong aktiviti ekonomi dan keusahawanan tempatan. Selain itu, maklum balas peniaga menunjukkan tahap kepuasan terhadap aspek seperti lokasi, aktiviti promosi dan pengurusan trafik. Di samping itu, peniaga turut melaksanakan pelbagai pendekatan dalam menguruskan lebihan makanan, termasuk menawarkan diskaun, menyumbang kepada institusi atau peniaga lain, serta menggunakan kaedah kitar semula dan pengkomposan. Perkembangan ini mencerminkan usaha bersepadu oleh peniaga dan penganjur dalam memperkukuh aspek ekonomi dan pengurusan operasi bazar secara mampan.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia


Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Nilai Jualan Bazar Ramadan dan Aidilfitri Mengikut Negeri, 2025 (RM Juta)



**Carta 2: Nilai Jualan Bazar Ramadan dan Aidilfiri 2025 (RM Juta):
10 Daerah Pentadbiran Tertinggi**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
20 JUN 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, June 20th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

REPORT ON STATISTICS OF RAMADAN & AIDILFITRI BAZAARS, 2025

***Ramadan and Aidilfitri Bazaars generated RM3.2 billion in sales,
and engaged of 281,876 workers in 2025***

PUTRAJAYA, JUNE 20, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Report on Statistics Ramadan & Aidilfitri Bazaars 2025** which consists of statistics on sales value, number of persons engaged and number of business stalls. These statistics are presented at national, state and administrative district levels.

DOSM reported that the findings in this publication are based on a survey conducted from 2nd to 30th March 2025, coinciding with the month of Ramadan. The survey covered Ramadan and Aidilfitri bazaars registered with Local Authorities (LAs). Data collection was carried out through face-to-face interviews, direct observations, telephone interviews, and the use of administrative data obtained from the respective local authorities.

Ramadan and Aidilfitri Bazaars

The performance of the Ramadan and Aidilfitri bazaars showed a notable improvement in 2025, with total sales value rising by 12.9 per cent to RM3.2 billion, compared to RM2.5 billion in 2023. This growth was in line with a 17.6 per cent increase in the number of persons engaged, bringing the total to 281,876 persons. In terms of performance by state,

Selangor recorded the highest sales value at RM0.7 billion with 38,811 persons engaged. Johor followed with RM0.5 billion in sales and 44,525 persons engaged, while the W.P. Kuala Lumpur registered RM0.4 billion in sales with 16,142 persons engaged. Collectively, these three states contributed 47.5 percent of the total national sales value for Ramadan and Aidilfitri bazaars. At the administrative district level, Johor Bahru recorded the highest sales value at RM261.1 million, surpassing Petaling at RM184.7 million, followed by Gombak with RM122.0 million.

Ramadan Bazaar

Specifically, Ramadan bazaars generated a total sales value of RM2.6 billion in 2025, reflecting a positive growth of 14.9 per cent compared to the year of 2023. Selangor recorded the highest state-level sales at RM558.0 million, followed by W.P. Kuala Lumpur with RM361.9 million and Johor with RM331.5 million. At the administrative district level, Petaling led with sales of RM163.9 million, followed closely by Johor Bahru with RM162.1 million and Gombak with RM120.8 million.

Meanwhile, the number of persons engaged in Ramadan bazaars rose sharply by 18.7 per cent at 241,379 persons, up from 171,386 individuals in 2023. Johor registered the highest number of persons engaged at 37,415, followed by Selangor with 32,989 and Pulau Pinang with 25,515. At the district level, Johor Bahru recorded the highest number of persons engaged at 21,295, followed by Seberang Perai Tengah with 9,873 and Petaling with 8,896.

Aidilfitri Bazaar

The Aidilfitri bazaars also performed well, with total sales increasing by 5.1 per cent to RM0.6 billion compared to 2023 (RM0.5 billion). Johor led the state-level sales with RM144.3 million, followed by Selangor at RM109.8 million and Kedah at RM53.9 million. At the administrative district level, Johor Bahru again recorded the highest sales at RM99.0 million, trailed by Klang with RM55.6 million and Melaka Tengah with RM36.0 million.

In terms of the number of persons engaged, Aidilfitri bazaars saw a 12.0 percent increase from 32,281 in 2023 to 40,497 in 2025. Johor recorded the highest number at

7,110 persons, followed by Selangor with 5,822 and Kedah with 5,509. At the district level, Johor Bahru remained the highest with 3,594 persons engaged, followed by Klang with 2,772 and Melaka Tengah with 2,259.

Satisfaction Survey in Ramadan and Aidilfitri Bazaars

Based on a survey conducted by the DOSM, 83.0 per cent of respondents comprising Ramadan and Aidilfitri Bazaar vendors expressed satisfaction with the location of the bazaar provided by the organisers. Meanwhile, 70.5 per cent of vendors were satisfied with the promotional activities carried out by the organisers. Additionally, 69.3 per cent of selected respondents were satisfied with the traffic control measures implemented by the organisers. Furthermore, 58.1 per cent of selected vendors expressed satisfaction with the basic facilities provided at the bazaars, while 19.8 per cent reported dissatisfaction, and the remaining respondents remained neutral. In terms of visitor turnout at the bazaars, 73.2 per cent of vendors expressed satisfaction, while only 9.5 per cent were less satisfied, and the remainder held a neutral view.

Food Waste Management Survey in Ramadan Bazaar

In a commendable effort to reduce food waste, 56.0 per cent of Ramadan Bazaar vendors reported offering discounted prices to minimise surplus. Additionally, 77.3 per cent expressed willingness to donate unsold food to selected institutions, while 84.2 per cent were open to sharing excess food with fellow vendors within the bazaar. In terms of systematic food waste management, surplus was reported to be channelled to food waste processing factories by 3.9 per cent of vendors. Additionally, 6.2 per cent stated that food waste would be collected in appropriate containers for organic composting, and 7.4 per cent mentioned that recycling methods would be used to optimise the use of leftover food.

Overall, the Ramadan and Aidilfitri bazaars in 2025 recorded RM3.2 billion in sales and generated over 280,000 job opportunities, reflecting their continued role in supporting economic activity and local entrepreneurship. Vendor feedback showed satisfaction with aspects such as location, promotional activities, and traffic management. In addition, vendors adopted several approaches to manage food surplus, including offering discounts, donating to institutions or other vendors, and using recycling or composting methods.

These developments indicate practical efforts by vendors and organisers to improve both economic and operational aspects of the bazaars.


ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.


The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Sales Value for Ramadan and Aidilfitri Bazaars by State, 2025 (RM million)



**Chart 2: Sales Value for Ramadan and Aidilfitri Bazaars, 2025 (RM million):
Top 10 Administrative Districts**



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

20 JUNE 2025